

Malaysia tak terperangkap dalam krisis AS-China

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau tidak akan terperangkap dalam ketegangan geopolitik China-Amerika Syarikat (AS) atau ditekan untuk memilih sebelah pihak.

Sebaliknya, beliau berusaha untuk mempercepatkan tindakan peralihan negara kepada ekonomi berteknologi tinggi menerusi hubungan ekonomi dan strategik yang lebih kukuh dengan Beijing.

Perdana Menteri menegaskan, ia bukan semata-mata mengutamakan kepentingan Malaysia untuk meneruskan perniagaan dengan China, tetapi turut

menjelaskan tidak mempunyai niat untuk memusuhi AS atau terpengaruh dengan tindakan unilateral satu negara terhadap negara lain.

“Jika mereka mempunyai bukti kukuh yang menunjukkan bahawa mana-mana syarikat atau negara menyebabkan kerosakan, tidak mengapa. Mereka harus kemukakan bukti.

“Tetapi jika tidak, kami tidak akan tunduk kepada tekanan seperti itu. Ia bukan lagi neokolonialisme atau pemerintahan kolonial, tetapi kita adalah sebuah negara yang merdeka,” katanya pada temu bual eksklusif dengan *South China Morning*

Post yang disiarkan semalam.

Malaysia meraikan 50 tahun hubungan diplomatik dengan China tahun ini dengan memanfaatkan kapasiti pelaburan dan kepakaran teknikal Beijing merentas sektor daripada pembuatan kepada tenaga boleh diperbaharui.

Asia Tenggara juga dalam beberapa tahun kebelakangan ini mendapat manfaat daripada pelaburan teknologi baharu bernilai berpuluh bilion dolar oleh syarikat yang mencari perlindungan selamat daripada sekatan AS terhadap China daripada mengakses cip berharga bagi membangunkan kecerdasan

buatan (AI) dan membina apa saja daripada superkomputer hingga persenjataan teknologi tinggi.

Sekatan yang dikenakan Washington adalah terbaharu dalam perang perdagangan yang berlanjutan antara kedua-dua negara hingga menjejaskan rantaian bekalan global dan menyukarkan negara seperti Malaysia untuk kekal berkecuali.

China disenaraikan sebagai rakan dagangan utama Malaysia untuk tahun ke-15 berturut-turut pada 2023, manakala AS mengekalkan kedudukannya sebagai rakan kongsi pelaburan utama negara Asia Tenggara itu

dalam tempoh sama.

Tahun lalu, AS dan Kesatuan Eropah (EU) turut memberi amaran kepada Anwar bahawa ia mungkin menghadapi ancaman keselamatan negara jika membenarkan gergasi infrastruktur telekomunikasi China, Huawei untuk mengambil bahagian dalam pembangunan rangkaian jalur lebar mudah alih berkelajuan tinggi 5G Malaysia.

Bagaimanapun, Anwar menegaskan tidak akan menolak Huawei daripada senarai rakan kongsi berpotensi, walaupun AS mendakwa teknologi syarikat itu akan membolehkan pengintipan untuk Beijing.